




www.korbanaqiqah.com.my
Mudah | Murah | Diyakini
LAPORAN PROGRAM KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH DI KEMBOJA 1441H

Assalamualaikum

"Sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang berbuat baik."
at-Taubah : 120



Tuan / Puan yang budiman,

Alhamdulillah, perlaksanaan program korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja bagi tahun 1441H telah selamat disempurnakan pada **31 Julai 2020** sehingga 3 hari tasyrik mengikut kepada ketetapan dan syarak Mufti Kerajaan Kemboja. Penyembelihan dan agihan ternakan korban telah dibuat kepada 23 buah wilayah di seluruh Kemboja.

Majlis perasmian program Korban Eidul Adha telah selamat disempurnakan di **Madrasah An Nikmah, KM 9, Chraing Chamreh, Russey Keo, Phnom Penh Kemboja** yang turut dihadiri oleh Mufti Kerajaan Kemboja **Okhna Haji Kamaruddin Yusof** dan juga **HE Okhna Datuk Dr. Othsman Hassan, Senior Minister Incharge of Special Mission (Muslim Affairs)**. Cuma bagi tahun 1441H ini tiada peserta rombongan daripada Malaysia hadir bersama memandangkan musim COVID 19.

SENARAI AGIHAN PROGRAM KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH DI KEMBOJA



"Saya dengan ini mengesahkan bahawa ibadah korban & aqiqah yang diuruskan oleh Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. selamat disempurnakan dan menepati hukum syarak"
Okhna Haji Kamaruddin Yusof
Mufti Kerajaan Kemboja

* Sila lihat muka surat sebelah

PROGRAM KORBAN EIDHUL ADHA & AQIQAH DI KEMBOJA 1442H

Bagi penyertaan korban eidhul adha & aqiqah di Kemboja tahun baru **1442H** sudahpun **dibuka**. **Korban 1 bahagian lembu RM350** manakala **1 ekor kambing RM580**. Untuk penyertaan **Aqiqah 1 bahagian lembu RM375** manakala **1 ekor kambing Aqiqah RM595** (harga sudah termasuk jamuan). Untuk penyertaan online boleh layari www.korbanaqiqah.com.my.

PROGRAM WAKAF PERIGI & WAKAF TANDAS DI KEMBOJA

Keperluan air bersih dan tandas untuk berhajat masih lagi diteruskan. Harga 1 bahagian **RM150** manakala 1 buah **RM1050**.

Pembinaan wakaf perigi juga dibina untuk orang bukan Islam sebagai satu dakwah kepada mereka. Pendapat as Syafie mengharuskan wakaf kepada orang bukan Islam selagi mana ianya bukan bertujuan untuk maksiat.

Umumnya ramai yang tidak merasakan pentingnya wakaf tandas ini. Dalam Islam sendiri menekankan bahawa dengan adanya kemudahan ini dapat menjaga kebersihan untuk bersolat malahan dapat mengurangkan masalah penularan wabak dan penyakit.

Bersama ini disertakan borang penyertaan untuk ibadah korban, aqiqah, wakaf perigi, wakaf tandas serta wakaf al-Quran untuk penyertaan Tuan / Puan. Juga disertakan bersama laporan penuh program, kalender 1442H dan pelekat cermin kereta.

Hantarkan borang penyertaan Tuan / Puan segera. Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi urus setia:



+603 4143 4343



+6011 2384 8480

Semoga Allah SWT memberkati dan merahmati segala usaha kita.

Sekian, terima kasih.

P/S: Sampaikan borang penyertaan kepada sahabat handai agar mereka juga berpeluang dan bersama-sama dalam program ini.

Wassalam,

Yang Benar,

Cecilia Saad

HAJI CHE MAZLAN SAAD
Pengerusi Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja.

AL-AIMEEN SERVE HOLDING SDN BHD (378533T)

2-1, Tingkat 1, Jalan 9/23A, Medan Makmur Off Jalan Usahawan,

Setapak 53200 Kuala Lumpur, Malaysia

TEL : +603 4143 4343

FAX : +603 4149 1414

E-MAIL : korbanaqiqah@alameenserve.com

www.korbanaqiqah.com.my



rumah di Kemboja



anak-anak Kemboja



ternakan korban



wakaf perigi



wakaf tandas